HONG LEONG BANK

lwn.

SHARP TRILLION (M) SDN BHD & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MOHD GHAZALI YUSOFF H
[GUAMAN SIVIL NO: 22-987-97]
1 SEPTEMBER 1999

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman terus - Rayuan - Perjanjian fasiliti kredit - Samada wujud isu yang boleh dibicarakan - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 14*

Plaintif, sebuah bank tempatan yang berlesen telah dari masa ke semasa memberi dan terus menyediakan pelbagai fasiliti kredit kepada defendan pertama, sebuah syarikat tempatan. Defendan pertama gagal mengendalikan kemudahan-kemudahan tersebut dengan sempurna dan plaintif telah menuntut tunggakan hutang di bawah fasiliti itu. Setelah defendan pertama gagal menjelaskan hutang itu, plaintif telah memfail permohonan bagi memasuk penghakiman terus di bawah A. 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 terhadap defendan pertama dan penggerenti-penggerentinya iaitu defendan kedua, ketiga dan keempat, untuk menjelaskan hutang tersebut.

Penolong kanan pendaftar telah membenarkan permohonan itu, dan defendan kedua dan ketiga telah merayu kepada hakim dalam kamar. Menurut mereka, terdapat tiga perkara yang merupakan isu-isu yang sepatutnya dibicarakan, iaitu: (i) plaintif gagal memplid dalam permohonan itu bahawa mereka dilesen di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 (‘Akta’); (ii) atas anggapan plaintif mempunyai lesen di bawah Akta, mereka tidak boleh memberi pinjaman tanpa sekuriti kerana ini tidak mematuhi s. 60(8) Akta; dan (iii) plaintif perlu tunjuk bahawa defendan pertama sebenarnya hutang amaun yang dituntut dan mereka telah menghantar notis tuntutan kepada penggerenti-penggerenti, dan juga bahawa wang yang dituntut telah diterima oleh penggerenti-penggerenti.

Diputuskan:

[1] Dengan membuat rujukan kepada tiga terbitan Warta Kerajaan Persekutuan dalam mana, berdasarkan s. 18(1) Akta, Gabenor Bank Negara Malaysia telah menyiarkan senarai institusi-institusi berlesen bagi tahun-tahun 1995, 1996 dan 1997 masing-masing yang menunjuk bahawa plaintif adalah sebuah bank yang berlesen.

[2] Surat tawaran tambahan plaintif mengenai sekuriti dengan jelas menunjuk fasiliti itu tidak diberi tanpa sekuriti. Walau apa pun, s. 60(3)(c) Akta dengan jelas memperuntukkan keperluan tentang sekuriti tidak terpakai kepada kemudahan kredit yang diberi oleh sebuah bank berlesen.

[3] Dokumen-dokumen yang dikemukakan melalui afidavit plaintif termasuk sijil hutang yang diterbitkan oleh plaintif menunjuk defendan pertama berhutang amaun-amaun yang dituntut di bawah pelbagai fasiliti kredit yang diberi, dan plaintif juga telah menghantar surat-surat peguamcara untuk menuntut amaun-amaun yang dihutang daripada penggerenti-penggerenti termasuk defendan kedua dan ketiga. Surat gerenti juga tidak mengandungi peruntukkan bahawa wang yang diterima akibat penggunaan kemudahan-kemudahan itu hendaklah diterima oleh mana-mana penggerenti.

[4] Ketiga-kiga perkara yang ditimbulkan oleh pihak defendan tidak langsung merupakan isu-isu yang sepatutnya dibicarakan dan pihak defendan tidak ada pembelaan terhadap tuntutan plaintif atau sebahagian daripadanya.

[Rayuan ditolak.]

Kes-kes yang dirujuk:

Doshi v. Yeoh Tiong Lay [1975] 1 MLJ 85 ***(dirujuk)***

Esso Standard Malaya Bhd v. Southern Cross Airways (Malaysia) Bhd [1972] 1 MLJ 168 ***(dirujuk)***

Lin Securities (Pte) v. Noone & Co Sdn Bhd (Klang Jaya Bahru Development Bhd, Third Party) [1989] 1 MLJ 321 ***(dirujuk)***

Perundangan dirujuk:

Banking and Financial Institutions Act 1989, ss. 4, 5, 6(4), 18(1), 60(3)(c), (4), (8)

Evidence Act 1950, s. 81

Rules of the High Court 1980, O. 14

Bagi pihak plaintif/responden - G Chacko Vadaketh; T/n Shearn Delamore & Co

Bagi pihak defendan-defendan/perayu-perayu - Michael Tan; T/n Tan Lip Yip & Co

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Mohd Ghazali Yusoff H:

Defendan kedua dan ketiga telah merayu kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan penolong kanan pendaftar ("PKP") yang membenarkan permohonan plaintif untuk memasuk penghakiman terus di bawah A. 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 terhadap mereka. Saya telah menolak rayuan defendan kedua dan ketiga dan terhadap keputusan itu mereka telah merayu ke Mahkamah Rayuan.

Latar Belakang

Melalui surat-surat tawaran bertarikh 3 Julai 1995 dan 26 Julai 1995 dan perjanjian fasiliti bertarikh 23 Ogos 1995 dan perjanjian tambahan kepada perjanjian fasiliti itu bertarikh 7 Disember 1995, plaintif, sebuah bank tempatan yang berlesen telah dari masa ke semasa memberi dan terus menyediakan pelbagai fasiliti kredit kepada defendan pertama, sebuah syarikat tempatan. Kemudahan-kemudahan yang disediakan mendasarkan perjanjian fasiliti adalah seperti berikut:

Jenis kemudahan	Amaun
(1) Overdraf	RM1,100,000
(2) Pinjaman terma 1	RM3,000,000
(3) Pinjaman terma 2	RM2,000,000
(4) Kemudahan "letter of credit/ trust receipt/banker's acceptance/ shipping guarantee/bank guarantee"	RM2,100,000
(5) Kemudahan LC/TR/BA/BG/ ECR (Pre & Post)/FBEP	RM2,500,000
(6) Kemudahan FBEP(AP)	RM1,000,000

Defendan kedua, ketiga, keempat dan kelima adalah penggerenti kepada kemudahan-kemudahan yang diberi kepada defendan pertama.

Malangnya, defendan pertama gagal mengendalikan kemudahan-kemudahan tersebut dengan sempurna dan oleh itu, melalui surat peguamcara mereka bertarikh 22 Ogos 1997, plaintif menuntut daripada defendan pertama tunggakan hutang di bawah fasiliti itu tetapi mereka gagal menjelaskan tunggakan yang dituntut.

Pada 20 November 1997 plaintif telah menerbit satu sijil hutang yang berbunyi:

CERTIFICATE OF INDEBTEDNESS

We hereby certify that the following represents the amounts due and owing on the banking facilities availed to Sharp Trillion (M) Sdn Bhd as guaranteed by Dato' Wong Akau (NRIC No. 8054483) Wong Dutt Nee (NRIC No. 620411-05-5303) Anuar bin Ismail (Singapore I/C No. 1481191E) and Kweck Siong Seng (Singapore I/C No. 1346231C).

i. Overdraft facility

The sum of RM1,150,631.06 is due and owing as at 31st August 1997 with interest continuing from the 1st September 1997 to the date of full and final realisation at the rate of 12.4% per annum on daily rests basis.

ii. 1st Term Loan Facility

The sum of RM3,296,356.07 is due and owing as at 31st August 1997 with interest continuing from the 1st September 1997 to the date of full and final realisation at the rate of 12.4% per annum on monthly rests basis.

iii. 2nd Term Loan Facility

The sum of RM2,178,746.24 is due and owing as at 31st August 1997 with interest continuing from the 1st September 1997 to the date of full and final realisation at the rate of 12.4% per annum on monthly rests basis.

iv. Letter of Credit/Trust Receipt/Bankers Acceptance Bankers Guarantee/Export Credit Refinancing Facility

a. Bankers Acceptance (Past Due Bills)

The sum of RM2,421,579.53 is due and owing as at 31st August 1997 with interest continuing from the 1st September 1997 to the date of full and final settlement at the rate of 13.65% per annum.

b. Trust Receipts Facility (Past Due Bills)

The sum of RM621,257.17 is due and owing as at 31st August 1997 with interest continuing from the 1st September 1997 to the date of full and final realisation at the rate of 12.4% per annum.

c. Bankers Guarantee

The sum of RM176,000.00 is due and owing as at 31st August 1997.

Dated the 20th day of November 1997.

Yours Faithfully,

for HONG LEONG BANK BERHAD
REMEDIAL MANAGEMENT DEPARTMENT

(sgd)

...
NG BOON TEONG
MANAGER

Pada 8 October 1997 plaintif telah memfail tindakan ini dan berikutnya memfail permohonan bagi memasuk penghakiman terus di bawah A. 14 terhadap defendan pertama, kedua, ketiga dan keempat untuk amaun-amaun seperti yang tercatat dalam sijil hutang yang diturunkan di atas. Dalam afidavit mereka masing-masing bagi menentang permohonan plaintif, defendan kedua dan ketiga menyata:

(1) permohonan plaintif di bawah A. 14 adalah cacat kerana tidak menuruti Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan oleh itu seharusnya ditolak dengan kos;

(2) plaintif tidak patuhi Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 ("Akta") dan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif tidak menunjuk plaintif mempunyai 'locus' di sisi undang-undang di bawah Akta, peraturan-peraturan kepada Akta, Akta Syarikat 1965 dan peraturan-peraturan kepada Akta itu dan oleh itu permohonan seharusnya ditolak dengan kos;

(3) tidak terdapat bukti dokumentari yang menunjuk deponen kepada afidavit pihak plaintif, iaitu, Ng Boon Tong yang merupakan Pengurus di Bahagian Pengurusan Remedial pihak plaintif mempunyai autoriti untuk mengikrar afidavit bagi pihak plaintif;

(4) kesemua defendan menafi mereka berhutang jumlah yang dituntut;

(5) plaintif perlu membukti perjanjian, terma dan syarat kemudahan-kemudahan yang diberi;

(6) mereka tidak menerima notis tuntutan mengenai keingkaran yang didakwa itu ataupun sijil hutang yang diterbitkan oleh plaintif;

(7) surat gerenti yang dilaksanakan oleh defendan kedua hingga kelima merupakan "promissory note" dan oleh itu adalah tak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan kerana tidak menuruti Akta Setem 1949; di samping itu, salinan surat gerenti itu tidak pernah dibekalkan kepada mereka.

Pada 22 April 1998, PKP telah membenarkan permohonan plaintif bagi memasuk penghakiman terus terhadap defendan pertama, kedua, ketiga dan keempat bagi jumlah-jumlah yang dituntut, iaitu:

(i) jumlah RM1,150,631.06 yang kena dibayar dan terhutang setakat 31 Ogos 1997 atas kemudahan overdraf yang diberi kepada defendan pertama dengan faedah berterusan dari 1 September 1997 sehingga tarikh penyelesaian penuh dan akhir pada kadar 12.4% setahun atas kiraan harian;

(ii) jumlah RM3,296,356.07 yang kena dibayar dan terhutang setakat 31 Ogos 1997 atas kemudahan pinjaman terma pertama yang diberi kepada defendan pertama dengan faedah berterusan dari 1 September 1997 sehingga tarikh penyelesaian penuh dan akhir pada kadar 12.4% setahun atas kiraan bulanan;

(iii) jumlah RM2,178,746.24 yang kena dibayar dan terhutang setakat 31 Ogos 1997 atas kemudahan pinjaman terma kedua yang diberi kepada defendan pertama dengan faedah berterusan dari 1 September 1997 sehingga tarikh penyelesaian penuh dan akhir pada kadar 12.4% setahun atas kiraan bulanan;

(iv) jumlah RM2,421,579.53 yang kena dibayar dan terhutang setakat 31 Ogos 1997 atas kemudahan penerimaan yang diberi kepada defendan pertama dengan faedah berterusan dari 1 September 1997 sehingga tarikh penyelesaian penuh dan akhir pada kadar 13.65% setahun;

(v) jumlah RM621,257.17 yang kena dibayar dan terhutang setakat 31 Ogos 1997 atas kemudahan resit-resit amanah yang diberi kepada defendan pertama dengan faedah berterusan dari 1 September 1997 sehingga tarikh penyelesaian penuh dan akhir pada kadar 12.4% setahun;

(vi) jumlah RM176,000 yang kena dibayar dan terhutang setakat 31 Ogos 1997 atas kemudahan gerenti perbankan yang diberi kepada defendan pertama.

(vii) kos.

Perintah PKP menunjuk di peringkat perbicaraan permohonan dihadapannya pada 13 Mac 1998, peguamcara pihak defendan telah menimbul bantahan awal dan berikutnya keputusan tentang bantahan awal dan perbicaraan permohonan selanjutnya telah ditangguhkan kepada 22 April 1998. Pada 22 April 1998, hanya peguamcara pihak plaintif hadir. PKP telah menolak bantahan awal itu dan seterusnya mendengar permohonan plaintif atas merit.

Setelah mendengar hujah peguam plaintif PKP membenarkan permohonan itu. Terhadap keputusan itu defendan kedua dan ketiga telah merayu kepada hakim dalam kamar. Pada 26 Januari 1999 saya telah menolak rayuan defendan kedua dan ketiga dan terhadap keputusan itu mereka merayu ke Mahkamah Rayuan.

Soalan yang berada dihadapan saya ialah sama ada defendan kedua dan ketiga dapat membangkitkan isu-isu yang sepatutnya dibicarakan. Dalam kes *Lin Securities (Pte) v. Noone & Co Sdn Bhd (Klang Jaya Bahru Development Bhd, Third Party)* [1989] 1 MLJ 321 hakim yang bijaksana berkata (di ms 322):

> The issue at an O. 14 application is whether the defendant has a defence and not whether the statement of defence provides him with a defence.

Dalam kes *Doshi v. Yeoh Tiong Lay* [1975] 1 MLJ 85 hakim yang bijaksana mendapat:

> The purpose of O. 14 of the Rules of the Supreme Court 1957 is to enable the plaintiff to obtain summary judgment without trial if he can prove his case clearly and if the defendant is unable to set up a *bona fide* defence or raise an issue against the claim which ought to be tried, final judgment should be allowed.

Mendasarkan nas-nas di atas, bolehlah dikata suatu permohonan untuk memasuk penghakiman terus boleh ditentang dengan jayanya jika defendan boleh menimbul isu *bona fide* yang sepatutnya dibicarakan. Dalam kes ini, peguam pihak defendan akui defendan pertama menandatangan perjanjian bagi mendapat fasiliti itu dan bahawa defendan kedua dan ketiga merupakan ahli lembaga defendan pertama dan disaman selaku penggerenti. Walau apa pun, peguam pihak defendan menimbul tiga perkara yang menurutnya merupakan isu-isu yang sepatutnya dibicarakan.

Perkara pertama yang ditimbulkan ialah plaintif gagal memplid dalam permohonan itu bahawa mereka dilesen di bawah Akta. Peguam kemudian merujuk kepada s. 4 Akta yang berbunyi:

> No person shall carry on
>
> (a) banking, finance company, merchant banking, or discount house business, unless it is a public company; or
>
> (b) money-broking business, unless it is a corporation,
>
> and holds a valid licence granted under s. 6(4) to carry on such business.

Seksyen 5 Akta memperuntukkan tatacara bagi permohonan untuk lesen perbankan dan s. 6 Akta pula memperuntukkan Menteri boleh memberi atau menolak permohonan untuk lesen perbankan. Seksyen 6(4) Akta berbunyi:

> Upon receiving an application and the recommendation of the Bank under this section, the Minister may grant the licence, with or without conditions, or refuse the licence.

Peguam pihak defendan bertikai mahkamah tidak boleh menganggap plaintif adalah sebuah bank yang berlesen di bawah Akta. Ia menegas plaintif gagal untuk menyata dalam permohonannya bahawa mereka mempunyai lesen demikian sebagaimana dikehendaki oleh Akta dan bertikai plaintif perlu menunjuk lesen itu dalam permohonannya.

Saya berpendapat perkara pertama yang ditimbulkan ini tidak merupakan satu isu yang perlu dibicarakan. Dalam perenggan 1 pernyataan tuntutannya, plaintif menyata mereka adalah sebuah bank berlesen yang diperbadankan selaras dengan Akta Syarikat 1965. Dalam hujahnya peguam plaintif telah membuat rujukan kepada tiga terbitan Warta Kerajaan Persekutuan dalam mana, mendasarkan s. 18(1) Akta, Gabenor Bank Negara Malaysia telah menyiarkan senarai institusi-institusi berlesen bagi tahun-tahun 1995, 1996 dan 1997 masing-masing yang mana menunjuk plaintif adalah sebuah bank yang berlesen. Seksyen 18(1) Akta memperuntukkan:

> The Bank shall cause to be published in the *Gazette* not later than the 31st March in each year a list, in such forms as may be determined by the Bank, of all institutions which hold licences under section 6(4).

Seksyen 81 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan mahkamah hendaklah menanggap ketulenan, antara lain, Warta Kerajaan. Pada saya, ketiga terbitan Warta Kerajaan tersebut masing-masing dengan jelas menunjuk plaintif adalah sebuah bank berlesen dan oleh itu saya mendapat isu pertama yang ditimbulkan oleh pihak defendan tidak merupakan isu yang sepatutnya dibicarakan. Di samping itu saya berpendapat plaintif tidak perlu menunjuk lesen perbankannya memandangkan ianya tidak relevan bagi tuntutan plaintif terhadap pihak defendan.

Perkara kedua yang ditimbul oleh peguam pihak defendan ialah, atas anggapan plaintif mempunyai lesen di bawah Akta, mereka tidak boleh memberi pinjaman tanpa sekuriti. Mengenai isu ini peguam pihak defendan telah merujuk kepada s. 60 Akta yang antara lain berbunyi:

> (1) Subject to an order made by the Bank under subsection (2), no licensed institution shall give to any person any credit facility without security.

(2) The Bank may by order published in the *Gazette* permit any particular licensed institution, or any class, category or description of licensed institutions, to give to any person any credit facility without security which, together with any other credit facility without security earlier given to him, does not exceed an aggregate amount set out in the order.

(3) Subsection (1) shall not apply to any credit facility given:

(a) to another licensed institution;

(b) to any other person engaged in the provision of finance who is approved in writing by the Bank; or

(c) by any licensed bank or licensed merchant bank, except where the credit facility is given by such bank or merchant bank to its related corporation which is not an institution or other person referred to in paragraphs (a) and (b) respectively.

(4) A security in respect of a credit facility given to any person by a licensed institution shall consist of property of a value which is not less than the amount of the credit facility given to such person.

(5) ... ;

(6) ... ;

(7) ... ;

(8) For the purposes of this section, the value of any property which is provided as security shall be:

(a) the market value thereof; or

(b) where for any reason it is not possible to determine the market value thereof, the value approved by the Bank on an application by the person taking the security which should set out the value arrived at by the applicant and the basis for it;

(9) ... .

Dalam hujahnya, peguam pihak defendan bertikai plantif tidak menyata dalam pernyataan tuntutannya bahawa pinjaman yang diberi kepada defendan pertama telah dijamin oleh sekuriti yang mana harga pasarannya tidak kurang dari amaun pinjaman yang diberi atau pihak Bank Negara telah membenarkan mereka memberi pinjaman sedemikian dan memandangkan plaintif tidak memplid demikian bagi menunjuk mereka mematuhi s. 60(8) Akta, kecacatan ini merupakan isu yang sepatut dibicarakan. Peguam mendesak jika s. 60(8) Akta tidak dipatuhi, pinjaman yang diberi kepada defendan pertama adalah tak sah.

Pada saya, perkara kedua ini juga tidak merupakan isu yang sepatutnya dibicarakan. Surat tawaran tambahan plaintif mengenai kemudahan-kemudahan itu yang bertarikh 7 Disember 1995 mengandungi terma dan syarat pinjaman yang mana telah diterima oleh defendan pertama dan surat itu dengan jelas menunjuk fasiliti itu tidak diberi tanpa sekuriti. Surat itu, mengenai sekuriti, antara lain, berbunyi:

SECURITY

Existing security

Overdraft/Term Loan 1/Letter of Credit/Trust Receipt/Bankers Acceptance/Shipping Guarantee/Bank Guarantee

i) A first party legal charge for RM6,100,000 plus interest thereon over six (6) plots of industrial land erected upon with a factory known as HS(D) 27461 Lot PT 1709, HS(D) 27462 Lot PT 1710, HS(D) 27463 Lot PT1711, HS(D) 27464 Lot PT1712, HS(D) 27465 Lot PT 1713, HS(D) 27466 Lot 1714, all at the Mukim of Krubong, District of Melaka Tengah, State of Melaka.

ii) A first party charge for RM6,100,000 plus interest thereon respectively incorporating a fixed and floating charge over all the assets of the company, both present and future.

iii) A joint and several guarantee for RM6,100,000 plus interest thereon by the following persons in their personal capacities, namely:

	Name	I/C No.
a)	Wong Akau	8054483
b)	Wong Dutt Nee	620411-05-5303
c)	Kweck Siong Seng	1346231 C (S'pore I/C)
d)	Anuar bin Ismail	1481191 E (S'pore I/C)

Security To Be Obtained

Overdraft/Term Loan 2/Letter of Credit/Trust Receipt/Bankers Acceptance/ Bank Guarantee/ECR (Pre & Postshipment)/ FBEP/FBEP(AP)/FEC

i) A first party second legal charge for RM3,600,000 plus interest thereon over six (6) plots of industrial land erected upon with a factory known as HS(D) 27461 Lot PT 1709, HS(D) 27462 Lot PT 1710, HS(D) 27463 Lot PT1711, HS(D) 27464 Lot PT1712, HS(D) 27465 Lot PT 1713, HS(D) 27466 Lot 1714, all at the Mukim of Krubong, District of Melaka Tengah, State of Melaka.

ii) A first party second debenture for RM3,600,000 plus interest thereon respectively incorporating a fixed and floating charge over all the assets of the company, both present and future.

Overdraft/Term Loan 1/Letter of Credit/Trust Receipt/Bankers Acceptance/Bank Guarantee/ECR (Pre & Postshipment)/FBEP/ FBEP(AP)/FEC

A third party first legal charge for RM9,700,000 plus interest thereon over a 3 storey detached house at No. 222, Jalan Ujong Pasir, 75050 Melaka, known as Lot. No 639 in Kawasan Bandar XXIX, Daerah Melaka Tengah, State of Melaka held under Geran Perengkat Pertama No. Daftaran 10299.

(Registered Owner - Krubing Developmen (M) Sdn Bhd)

GUARANTEE

A joint and several guarantee for RM9,700,000 plus interest thereon by the following persons in their personal capacities, namely:

Name	**I/C No.**
a) Wong Akau	8054483
b) Wong Dutt Nee	620411-05-5303
c) Kweck Siong Seng	1346231 C (S'pore I/C)
d) Anuar bin Ismail	1481191 E (S'pore I/C).

Setelah saya meneliti syarat yang dikenakan oleh plaintif mengenai sekuriti, saya berpendapat dakwaan pihak defendan bahawa fasiliti yang diberi oleh plaintif kepada defendan pertama tidak mematuhi s. 60 Akta tidak berasas. Walau apa pun, s. 60(3)(c) Akta dengan jelas memperuntukkan keperluan tentang sekuriti tidak terpakai kepada kemudahan kredit yang diberi oleh sebuah bank berlesen. Seksyen 60(4) yang mana melarang pemberian fasiliti kredit yang melebihi cagaran jelasnya tidak terpakai terhadap plaintif selaku bank berlesen dan hendaklah dibaca bersama s. 60(3). Di samping itu pihak defendan tidak langsung mengemukakan apa-apa butir-butir yang boleh menggambarkan plaintif gagal mematuhi kehendak s. 60 Akta seperti didakwa. Pada saya dakwaan plaintif itu merupakan satu dakwaan semata-mata sahaja. Kesimpulannya saya mendapat perkara ini tidak merupakan satu isu yang sepatutnya dibicarakan.

Perkara ketiga yang ditimbulkan oleh pihak defendan ialah plaintif perlu tunjuk peminjam, iaitu, defendan pertama sebenarnya berhutang amaun yang dituntut dan bahawa plaintif telah menghantar notis tuntutan kepada penggerenti-penggerenti. Di samping itu plaintif mesti memuaskan mahkamah bahawa wang yang dituntut telah diterima oleh penggerenti-penggerenti.

Saya mendapat perkara yang ditimbulkan ini juga tidak berasas dan tidak langsung merupa isu yang sepatutnya dibicarakan. Defendan kedua dan ketiga, antara lain, merupakan penggerenti-penggerenti dan tuntutan terhadap mereka adalah selaku penggerenti. Klausa 1 kepada surat gerenti yang ditandatangan oleh, antara lain, defendan kedua dan ketiga berbunyi:

> We will pay to you on demand all money which now is or may during the operation of this Guarantee be owing to you from the Customer or remain unpaid on the general balance of the Customer's account with you anywhere and on any account whatsoever whether from the Customer alone or from the Customer jointly with or as surety for any other person or persons or for any firm or company including advances overdrafts discounts bills or notes held by you on or in respect of which the Customer may be or have been liable to you in any manner or any guarantee or letter of credit given established or operated by you for the Customer and in respect of which the Customer may be or have been liable to you and the satisfaction of all liabilities whether past, present or future, absolute or contingent which are now or shall from time to time or at any time hereafter becoming owing or remaining unpaid or incurred by the Customer to you upon any account whatsoever or in any manner whatsoever together with commission and other ordinary banking expenses including interest at such rate and with such rests period as may from time to time imposed or stipulated by you although the relation of banker and customer may have ceased and all costs charges (including legal charges on a solicitor and own client basis) and expenses which you may incur in enforcing or seeking to enforce any security for or obtaining or seeking to obtain payment of all or any part of the money hereby guaranteed.

Klausa 1 tersebut dengan jelas memperuntukkan penggerenti, atas permintaan plaintif, akan membayar kesemua hutang defendan pertama semasa surat gerenti itu berkuatkuasa. Saya tidak dapat mengesan dalam surat gerenti tersebut dimana wujudnya peruntukkan wang yang diterima akibat penggunaan kemudahan-kemudahan itu oleh defendan pertama hendaklah diterima oleh defendan kedua dan ketiga atau mana-mana penggerenti. Mengenai pertikaian tentang notis tuntutan pula, klausa 30 kepada surat gerenti memperuntukkan seperti berikut:

> Any demand for payment of moneys or any other demand or notice under this guarantee may be made by your Manager, Assistant Manager or authorised person for the time being of yours or by any person or firm for the time being acting as solicitor or solicitors for you by letter addressed to us our executors, administrators or legal representatives and sent by post or delivered to our address last known to you or stated hereunder and a notice or demand so given or made or received at the time when the letter would in the ordinary course of post be delivered.

Dokumen-dokumen yang dikemukakan melalui afidavit plaintif termasuk sijil hutang yang diterbitkan oleh plaintiff menunjuk defendan pertama berhutang amaun-amaun yang dituntut di bawah pelbagai fasiliti kredit yang diberi. Melalui surat-surat peguamcara plaintif yang bertarikh 17 September 1997, pihak plaintif telah menuntut amaun-amaun yang dihutang itu daripada defendan pertama dan juga penggerenti-penggerenti termasuk defendan kedua dan ketiga dan di samping itu butir-butir hutang disenaraikan dalamnya. Menurut surat-surat itu jumlah pada keseluruhannya yang dihutang oleh defendan pertama adalah RM9,844,570.07. Plaintif telah kemukakan surat-menyurat antara kedua-dua pihak yang mana menggambarkan defendan pertama telah cuba menyelesaikan masalah hutang yang dituntut itu yang mana tidak dapat persetujuan plaintif. Dengan keterangan dokumentari yang jelas, saya tidak memahami kenapa perkara ketiga ini ditimbulkan sebagai satu isu yang sepatutnya dibicarakan.

Dalam kes *Esso Standard Malaya Bhd v. Southern Cross Airways (Malaysia) Bhd* [1972] 1 MLJ 168, hakim yang bijaksana berkata (di ms 171):

> It is I think right that an order under RSC Order 14 should be made only if the court thinks it is a plain case and ought not to go to trial. If one simply has a short matter of construction with a few documents, the court on summary judgment should decide what in its judgment is the true construction. There should be no reason to go formally to trial where no further facts could emerge which would throw any light upon the letters that have to be construed.

Dalam kes ini saya mendapat ketiga-tiga perkara yang timbulkan oleh pihak defendan tidak langsung merupakan isu-isu yang sepatutnya dibicarakan dan bahawa pihak defendan tidak ada pembelaan terhadap tuntutan plaintif atau sebahagian daripadanya. Fakta-fakta kes dengan jelas menunjuk:

(a) defendan pertama telah memohon kepada plaintif untuk fasiliti tersebut;

(b) defendan kedua dan ketiga selaku ahli lembaga pengarah defendan pertama menyedari tentang terma dan syarat yang terdapat dalam perjanjian fasiliti itu; di samping itu tidak dipertikaikan defendan ketiga, selaku ahli lembaga pengarah defendan pertama, telah menandatangani bagi pihak defendan pertama surat-surat tawaran plaintif mengenai fasiliti itu dan juga perjanjian fasiliti itu;

(c) defendan kedua dan ketiga tidak bertikai mereka menandatangani surat gerenti selaku penggerenti;

(d) surat-menyurat antara plaintif dan defendan pertama untuk menyelesaikan hutang yang tertunggak itu menunjuk defendan kedua dan ketiga yang menguruskan masalah yang dihadapi oleh defendan pertama dan di samping itu menggambarkan defendan kedua dan ketiga tidak pernah mempertikaikan terma dan syarat yang terdapat dalam perjanjian fasiliti itu atau menimbulkan apa-apa perkara tentang kecacatannya, jika ada.

(e) dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh plaintif adalah jelas dan mencukupi bagi menunjuk defendan pertama berhutang apa yang dituntut.

Mendasarkan demikian, saya telah menolak rayuan defendan kedua dan ketiga dengan kos.